

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR  
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan

oleh SHAHINI SHAH BIN SHAHIDAN

ABDUL RAHMAN BIN IBRAHIM

bertajuk PENGARUH URBANISASI BANDARAYA GEORGETOWN

TERHADAP PENANG BAZAAR

dibawah penyeliaan saya/kami diterima sebagai memenuhi  
sebahagian dari syarat untuk Diploma Perancang Bandar  
dan Wilayah.

Diluluskan oleh:

  
( ENCIK RUSTAM ABBAS )  
PENYELIA UTAMA

11 Mei 1984

( \_\_\_\_\_ )  
PENYELIA MADYA

PENGARUH URBANISASI BANDARAYA GEORGETOWN TERHADAP  
PENANG BAZAAR

Oleh:

SHAHIMI SHAH BIN SHAHIDAN

ABDUL RAHMAN BIN IBRAHIM

Satu Kajian Akhir Yang Disediakan Untuk Memenuhi  
Sebahagian Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur

Shah Alam.

April, 1984.

## ISI KANDUNGAN

### BAB

Muka surat

#### PENGHARGAAN

SENARAI RAJAH-RAJAH	i
SENARAI JADUAL	ii
SENARAI GAMBAR	iii
SENARAI PELAN	v
1.0.0 PENGENALAN	1
1.1.0 Skop kajian	4
1.2.0 Objektif	4
1.3.0 Hipotesis	5
1.4.0 Pemilihan tajuk	6
1.5.0 Peringkat kajian	7
1.5.1 Peringkat pertama	7
1.5.2 Peringkat kedua	8
1.5.3 Peringkat ketiga	8
2.0.0 KAJIAN AWALAN	10
2.1.0 Definasi urbanisasi	10
2.2.0 Definasi bazaar	11
2.3.0 Definasi peniaga kecil	12
2.3.1 Fungsi dan kepentingan peniaga kecil	13
2.3.2 Kategori peniaga kecil	14
2.3.3 Kawasan tumpuan peniaga kecil	15
2.4.0 Pengaruh urbanisasi secara am	17
2.5.0 Sejarah urbanisasi Bandaraya Georgetown	18
2.6.0 Peniaga kecil di Georgetown	20
2.7.0 Matlamat dan objektif kajian	21
2.7.1 Polisi pembandaran	22
2.7.2 Polisi peniaga kecil	24
2.8.0 Sejarah perniagaan Penang Bazaar (1920-1984)	24
2.9.0 Pentadbiran Penang Bazaar	28

## 1.0.0 PENGENALAN

Pembangunan pusat Bandaraya Georgetown begitu ketara terutama dekad 80' an ini. Ianya adalah meliputi semua bidang terutama dari segi fizikal, ekonomi dan sosial.

Kawasan yang paling menonjol sekali pembangunannya terletak di tengah-tengah pusat perniagaan (CBD) Georgetown terutama di jalan-jalan utama seperti Penang Road, Burmah Road dan Campbell Street. Perkembangan ini ialah bagi sektor-sektor perniagaan dan perdagangan. Tambahan pula polisi kerajaan negeri masa kini yang mengelompokkan pusat pentadbiran di kawasan perniagaan yang telah sedia membangun. Sebagai contohnya pembangunan KOMTAR yang akan menempatkan pusat membeli-belah serta pejabat yang moden. Fenomena ini menyebabkan bertambahnya penumpuan orang ramai ke kawasan ini yang menyebabkan ruang tanah adalah begitu tinggi dan mendesak sekali terutama bagi kegiatan perniagaan dan pejabat pentadbiran.

Keujudan kompleks-komplek moden seperti pusat membeli-belah dan bangunan moden yang lain seperti bank, hotel, pawagam telah menyebabkan bangunan lama menjadi sasaran bagi tujuan pembangunan moden. Ini adalah kerana ianya lebih menguntungkan dari segi komersial iaitu dengan penggunaan ruang yang maksima yang akan menghasilkan pulangan yang tinggi. Dalam hal ini Penang Bazaar sebagai salah sebuah bangunan kini

telah terdedah kepada beberapa kemungkinan atas risiko seperti bangunan ini akan diruntuhkan dan digantikan dengan kompleks-komplek moden. Ini adalah terjadi semula KOMTAR.

Penang Bazaar adalah berbeza dari lain-lain tempat perniagaan yang bukan sahaja menjadi tempat penempatan peniaga kecil meneruskan penghidupan tetapi ia juga merupakan suatu imej kebanggaan Pulau Pinang, sepertimana dengan perkhidmatan Feri. Kawasan ini menjadi tarikan pengunjung terutama sebagai tempat 'jualan murah yang terkenal di Pulau Pinang dan juga kepada negeri-negeri berhampiran seperti Kedah, Perlis dan Perak.

Perniagaan yang berjalan disini adalah tertua sekali di Pulau Pinang lebih dari setengah abad (1930-1983) dengan aktiviti perniagaan utama seperti perniagaan kain, baju, sejadah, kain ela dan sebagainya. Adalah dikira tidak lengkap jika seseorang orang yang datang ke Pulau Pinang tetapi tidak berkunjung di sini untuk membelibelah samada untuk membeli barangan kenangan atau untuk perniagaan di kampung. Kepopularitinya turut terjejas apabila tambahnya pasaraya membelibelah yang moden yang serba lengkap pada tahun 1960 an hingga masa kini. Adalah didapati bahawa jumlah pasaraya ini adalah melebihi dari 10 buah dengan kadar pertumbuhan sebuah setahun. Antaranya ialah Emporium Gama dan lain-lain lagi.

Selain dari itu keputusan kerajaan menarik balik statusnya